

13/06/2003

Kementerian akan mula rundingan pindah kuasa urus air

KUALA LUMPUR: Kementerian Kerja Raya akan mengadakan perjumpaan dengan pihak bertanggungjawab mengenai pembekalan air di setiap negeri, disusuli

mesyuarat Majlis Air Negara (MAN), bagi membincangkan cadangan memindahkan

semua kuasa pengurusan air kepada Kerajaan Pusat.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata arahan itu datang dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai langkah mengatasi permintaan peruntukan yang terlalu tinggi daripada kerajaan negeri setiap tahun bagi menguruskan pembekalan air.

"Ada kerajaan negeri meminta peruntukan antara RM2.5 bilion hingga RM3 bilion bagi menguruskan pembekalan air tetapi pulangnya tidak seberapa kerana masalah paip bocor, paip terlalu usang dan yang paling ketara sekali, akibat kecurian sehingga ada kerugian lebih 60 peratus.

"Justeru, saya diarahkan bermesyuarat dengan Setiausaha Kerajaan (SUK),

ahli Exco dan syarikat swasta yang bertanggungjawab membekalkan air di setiap negeri terlebih dulu bagi membincangkan isu itu.

"Selepas itu, mesyuarat MAN, dipengerusikan Perdana Menteri akan diadakan pada tarikh yang beliau tetapkan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran buku dan cakera padat mengenai kata-kata perumpamaan dalam bahasa Tamil, di sini semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata kerajaan negeri sudah diminta mengkaji semula sama ada ingin terus bertanggungjawab menyediakan bekalan air negeri masing-masing memandangkan mereka tidak berupaya dari segi kewangan

untuk berbuat demikian.

Samy Vellu yang turut menghadiri mesyuarat itu, berkata, semua menteri Besar serta Ketua Menteri yang hadir akan membuat keputusan mengenai usul

berkenaan selepas meneliti kertas kerja pembekalan air yang akan disediakan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Kertas kerja berkenaan khusus mengenai pembekalan air kepada sektor industri di setiap negeri, yang mengakibatkan kerugian besar berbanding sektor lain kerana tidak membawa hasil lumayan walaupun pelaburan yang dibuat agak tinggi.

Katanya, tanggungjawab menguruskan bekalan air diberikan kepada negeri berdasarkan Perjanjian Persekutuan yang dimeterai pada 1957, ketika penduduk negara hanya antara enam hingga tujuh juta dan tidak lagi relevan

sekarang berikutan penduduk negara sudah melebihi 23 juta.

Samy Vellu berkata, jika kerajaan negeri bersetuju memindahkan kuasa mengurus air kepada kerajaan pusat, Perjanjian Persekutuan tahun 1957 itu

akan dipinda bagi memberi kuasa dari segi undang-undang.